



## KENYATAAN MEDIA

### MAJLIS PERASMIAN KAMPUNG ANGKAT MADANI DAN SEKOLAH ANGKAT MADANI KAMPUNG GUAR PETAI, PULAU PINANG.

**TASEK GELUGOR, 8 Mei 2026** – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) terus memperkukuh agenda pembangunan komuniti luar bandar menerusi pelaksanaan Program Kampung Angkat MADANI dan Sekolah Angkat MADANI di Kampung Guar Petai dan Sekolah Kebangsaan (SK) Padang Menora, Tasek Gelugor, Pulau Pinang. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu di Dewan MPKK Padang Menora pagi ini.

Dalam majlis tersebut, KPKM memperuntukkan sebanyak RM500,000.00 bagi pelaksanaan pembangunan dan kesejahteraan komuniti Kampung Guar Petai sebagai Kampung Angkat MADANI. Selain itu, SK Padang Menora turut menerima peruntukan sebanyak RM100,000.00 di bawah inisiatif Sekolah Angkat MADANI bagi menyokong usaha meningkatkan kemudahan dan pembangunan pendidikan sekolah tersebut. Bagi memperkasa generasi muda dalam bidang pertanian moden, KPKM turut menyediakan tambahan RM100,000.00 untuk pelaksanaan Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Pertanian kepada pelajar sekolah.

Menurut Mohamad pembangunan negara mesti dirasai secara adil oleh rakyat di kawasan luar bandar khususnya golongan petani, pesawah, nelayan, penternak dan pekebun kecil yang menjadi tulang belakang keterjaminan makanan negara. Beliau berkata, Program Kampung Angkat MADANI bukan sekadar program simbolik, sebaliknya merupakan pendekatan menyeluruh kerajaan melalui konsep whole of government bagi memastikan pelbagai agensi dan kementerian bergerak secara bersama demi manfaat rakyat.

Kerajaan MADANI mahu memastikan pembangunan tidak hanya tertumpu di bandar, sebaliknya kampung-kampung turut menerima limpahan pembangunan, kemudahan dan peluang ekonomi. Beliau turut menekankan bahawa sektor pertanian kini semakin moden dan berteknologi tinggi serta mempunyai potensi besar untuk diceburi golongan muda sebagai kerjaya masa depan.

Mengulas mengenai cabaran global semasa, kerajaan sentiasa memantau isu keterjaminan makanan termasuk kestabilan bekalan beras, ayam dan telur di negara ini susulan ketidaktentuan ekonomi dunia, kenaikan kos input pertanian dan gangguan rantai bekalan global. Beliau turut menyeru rakyat agar mengamalkan sikap berjimat cermat, mengelakkan pembaziran makanan dan tidak melakukan pembelian panik.

Program ini turut dimeriahkan kenduri rakyat dan penganjuran Jualan Agro MADANI (JAM) yang melibatkan kerjasama agensi di bawah KPKM seperti LPP, FAMA dan LKIM dengan menawarkan potongan harga sehingga 30% dan melibatkan usahawan tempatan bagi membantu rakyat mendapatkan barangan keperluan pada harga berpatutan. Agrobank juga turut menyampaikan sumbangan zakat berjumlah RM20,000.00 kepada golongan yang memerlukan di kawasan tersebut. Sementara itu, Jabatan Pertanian turut mengagihkan sebanyak 500 anak pokok kepada komuniti Kampung Guar Petai bagi menggalakkan aktiviti pertanian dan tanaman makanan di peringkat isi rumah.

Program Kampung Angkat MADANI dan Sekolah Angkat MADANI merupakan inisiatif Kerajaan MADANI bagi memperkukuh pembangunan komuniti secara inklusif serta meningkatkan kesejahteraan rakyat melalui pendekatan menyeluruh melibatkan kerajaan, agensi dan komuniti setempat.

Turut hadir sama dalam program ini, Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang, YBhg. Dato' Wira Haji Mahfuz bin Haji Omar, Timbalan Ketua Pengarah Operasi Lembaga Pertubuhan Peladang, YBrs. Encik Nik Mohd Shahril bin Nik Md Hashim

**Bahagian Hal Ehwal Korporat  
Lembaga Pertubuhan Peladang**

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

**Pengarah  
Lembaga Pertubuhan Peladang  
Negeri Pulau Pinang  
Tel :04 3337580 Faks :04 3310906  
Email :lpp\_penang@lpp.gov.com**